



Kenyataan Media - Untuk Siaran Segera

Kuala Lumpur, 16 November 2021

Pelancaran Kajian daripada Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO): Kajian mengenai Sikap dan Persepsi Orang Awam di Malaysia mengenai Keganasan Terhadap Wanita (VAW)

Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) melancarkan dapatan awal dan saranan daripada laporan, "Kajian mengenai Sikap dan Persepsi Orang Awam di Malaysia mengenai Keganasan Terhadap Wanita (VAW)" pada 15 November 2021. Kajian ini mendedahkan bahawa hanya **separuh daripada rakyat Malaysia menyokong kesaksamaan gender (46.3%) dan menentang sikap yang mewajarkan keganasan (52.7%)**. Dapatkan ini menunjukkan bahawa lebih banyak perlu dilakukan untuk mengukuhkan inisiatif pencegahan VAW di Malaysia.

Sebagai tinjauan kajian yang melibatkan 1,000 responden Malaysia, kajian ini merupakan kajian berskala besar dan mewakili jumlah penduduk mengenai sikap dan persepsi terhadap VAW di Malaysia. Kajian ini mengenalpasti kelaziman sikap yang mewajarkan keganasan, iaitu terhadap keganasan rumah tangga, gangguan seksual, serangan seksual, rogol, and perkahwinan kanak-kanak, serta ketidaksaksamaan gender. Sikap yang mewajarkan keganasan adalah sikap yang menyokong, memberi alasan, meminimumkan VAW, atau menyalahkan pemandiri untuk keganasan yang berlaku.

Berdasarkan idea bahawa keganasan terhadap wanita berakar umbi daripada sikap patriarki dan norma sosial, kajian ini menyerlahkan sikap khusus yang membimbangkan - termasuk sikap melepaskan pelaku dan mempertanggungjawabkan wanita atas keganasan, mengabaikan hak persetujuan wanita, tidak mempercayai laporan keganasan oleh wanita, merendahkan kebebasan dan hak membuat keputusan wanita di ruang awam dan peribadi, dan menafikan masalah ketidaksaksamaan gender.

Walaupun hasil tinjauan ini menunjukkan bahawa, secara keseluruhannya, **rakyat Malaysia mempunyai pemahaman yang baik mengenai VAW** dalam bentuk keganasan fizikal dan bukan fizikal, hasil kajian juga menunjukkan bahawa:

- Lebih separuh daripada rakyat Malaysia (53.3%) mempercayai bahawa kebanyakan kejadian keganasan rumah tangga sebenarnya reaksi normal akibat tekanan dan kekecewaan seharian.
- 43.0% responden mempercayai bahawa kadangkala wanita boleh membuat lelaki marah sehingga menyebabkan mereka memukul walaupun tanpa sengaja.

- Satu pertiga (30.0%) mempercayai bahawa wanita yang suka menarik perhatian setiap masa perlu dipersalahkan sekiranya pasangan mereka cemburu dan memukul mereka.
- 26.5% daripada rakyat Malaysia mempercayai bahawa keganasan rumah tangga boleh dimaafkan jika ianya disebabkan oleh kemarahan yang menyebabkan seseorang itu hilang kawalan.

Hasil ini menunjukkan bahawa masih ada situasi di mana orang awam berpandangan bahawa VAW boleh diterima - seperti apabila dianggap sebagai reaksi emosi, atau sekiranya mangsa sendiri telah mencetuskan penderaan akibat perlakuannya. Rakyat Malaysia juga cenderung memandang rendah kerumitan penderaan, dengan 37.1% daripada responden yang mempercayai bahawa ianya tidak sesukar seperti yang dikatakan bagi wanita untuk meninggalkan hubungan yang mendera. Tambahan pula, 44.9% responden mempercayai bahawa mangsa wanita yang tidak meninggalkan pasangan yang mendera turut bertanggungjawab atas penderaan yang berterusan.

Mitos rogol juga lazim disokong oleh responden. Ini adalah dapatan yang membimbangkan kerana sokongan terhadap mitos rogol boleh difahami sebagai refleksi tahap sikap yang mewajarkan keganasan dalam masyarakat, serta kecenderungan menyalahkan mangsa.

- 83.4% mempercayai bahawa rogol berlaku kerana lelaki tidak dapat mengawal keinginan seksual mereka.
- 51.3% mempercayai bahawa rogol diakibatkan cara pemakaian wanita.

Tambahan pula, rakyat Malaysia secara keseluruhannya boleh mengenali bentuk keganasan rumah tangga bukan fizikal apabila diterangkan secara jelas. **Malah, pengetahuan responden mengenai gangguan siber, menghendap (stalking), dan tabiat mengawal agak rendah.**

- Kira-kira 11% rakyat Malaysia tidak menganggap tabiat mengawal seperti mencegah pasangan daripada berjumpa dengan keluarga atau rakan, dan menafikan akses kewangan kepada wanita, sebagai satu bentuk keganasan rumah tangga.
- Tahap kesedaran terhadap keganasan bukan fizikal mungkin disebabkan oleh pemahaman keganasan sebagai sesuatu yang boleh dilihat (seperti lebam, kecederaan fizikal, dan lain-lain).

Hasil positif daripada kajian ini adalah bahawa **rakyat Malaysia menentang perkahwinan kanak-kanak** - iaitu 70.3% responden menentang perkahwinan kanak-kanak dalam apa jua keadaan. Hanya kira-kira satu persepuhlus rakyat Malaysia menyokong perkahwinan kanak-kanak secara jelas, dengan sokongan terbesar daripada lelaki yang berumur 55 tahun dan ke atas.

Rumusan

Kajian ini mengenalpasti beberapa sikap dan persepsi bermasalah yang mungkin berleluasa dalam masyarakat Malaysia, yang ditunjukkan sebagai tiga belas penemuan awal. Kajian ini

juga membuat sembilan saranan utama kepada kerajaan untuk mengukuhkan pengaturcaraan dan inisiatif pencegahan VAW di Malaysia.

Khususnya, kajian ini menyerlahkan nilai menjalankan tinjauan sikap mengenai keganasan terhadap wanita dan kesaksamaan jantina. Dengan ini, WAO menyeru kerajaan agar menerajui pelaksanaan tinjauan seperti ini sebagai sesuatu inisiatif nasional untuk menangani VAW.

Pertamanya, tinjauan sikap orang awam seperti ini boleh digunakan sebagai ‘indikator proksi’ tahap toleransi terhadap VAW dalam masyarakat dan komuniti. Kedua, tinjauan yang dijalankan secara longitudinal (dengan konsisten, setiap beberapa tahun) membolehkan kita mengesan kemajuan dan kemunduran sikap masyarakat Malaysia terhadap VAW, untuk mengenalpasti sikap paling mendesak yang mendasari keganasan. Maklumat ini boleh digunakan untuk merekabentuk kempen pencegahan VAW demi menangani isu VAW dengan lebih efektif untuk membina Malaysia yang selamat untuk semua.

Maklumat lanjut boleh didapati di [laman web WAO](#), termasuk laporan dapatan awal kajian ini, ringkasan penyelidikan, dan pembentangan pelancaran.

###

Mengenai Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO)

Sejak tahun 1982, Pertubuhan Pertolongan Wanita telah menyediakan tempat perlindungan, kaunseling, dan bantuan krisis percuma kepada wanita dan kanak-kanak yang mengalami penderaan. Kami membantu wanita dan anak-anak mereka membina semula hidup yang terselamat daripada keganasan rumah tangga, rogol, pemerdagangan, dan pelbagai penganiayaan lain. Pengajaran daripada pengalaman wanita-wanita yang tidak bernasib baik ini, kami ingin membela nasib mereka dengan menambah baik polisi awam dan mengubah cara berfikir masyarakat. Bersama, kita mengubah kehidupan.

Hubungi Hotline WAO di 03 3000 8858 atau SMS/WhatsApp TINA di 018 988 8058 sekiranya anda atau sesiapa yang anda kenali mengalami penderaan. Untuk maklumat lanjut, layari wao.org.my.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

*Shazana Agha, Head of Research
shazana@wao.org.my / 016-604 3237*

Isabel Chung, Research and Advocacy Officer

isabelchung@wao.org.my / 017-298 7862